



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Cemburu kawan hidup senang

SA YA graduan sebuah institusi pengajian tinggi dan baru saja memperoleh pekerjaan yang baik. Saya bersyukur kurunian ini mampu mengurangkan bebanan keluarga saya yang sering dihipit masalah kewangan.

Sejak kecil, saya hidup susah kerana keluarga kurang berkemampuan. Apa yang ingin saya kongsi ialah mengenai kawan saya yang bernama X. Pada pendapat saya, dia seorang yang sangat beruntung kerana walaupun tidak dilahirkan dalam keluarga serba mewah, namun sering mendapat sumber kewangan yang tidak putus-putus dalam hidupnya seperti menerima biasiswa sehingga ke universiti.

Pada masa sama X mempunyai teman lelaki yang turut membiayainya setiap bulan malah saya dapat tahu simpanannya sudah menjangkau ribuan ringgit.

Saya juga dapat tahu, X berkenalan dengan seorang lelaki yang mempunyai sumber kewangan sangat kukuh dan pemilik sebuah restoran. Lelaki itu turut memberi duit tiap-tiap bulan untuk membantu X.

X mempunyai adik beradik yang ramai namun kehidupan mereka tidak susah namun saya sebaliknya.

Adik beradik saya semuanya sudah bekerja namun kami masih lagi dihipit sumber kewangan. Saya sangat cemburu pada X namun ada kalanya tersedar semuanya rezeki dari Allah.

Bantulah saya untuk membuang perasaan dengki dan tidak puas hati terhadap kesenangan orang lain.

ILA,
Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

DR berterima kasih kepada adik kerana menjadi anak yang tahu membalas budi ibu bapa juga keluarga. Dr juga gembira kerana adik bersyukur ke atas rezeki yang dikurniakan Allah. Adik menyedari bahawa setiap insan ada rezeki masing-masing. Perasaan dengki dan tidak puas hati adik terhadap X adalah perasaan normal.

Cuma, apabila segala perasaan negatif ini menguasai kehidupan adik, ia perlu dinilai semula. Adik mengukuti segala perjalanan hidup X. Ini menunjukkan rentak kehidupan adik seolah-olah ditentukan oleh apa yang diperoleh oleh X. Peristiwa kehidupan X membentuk sebahagian besar pemikiran, emosi dan tingkah laku adik.

Jangan biarkan X membentuk siapa diri adik.

Apabila adik membuat perbandingan dari orang yang lebih baik, adik akan merasa kekurangan. Belajar untuk tidak membandingkan diri dengan X. Seterusnya, adik boleh menukar pemikiran negatif kepada positif dengan merasionalkan pemikiran bahawa orang yang suka berbakti kepada keluarga adalah insan yang baik.

Bukankah "tangan yang memberi lebih baik dari tangan yang menerima". Pujuk diri bahawa apa yang adik lakukan adalah satu perkara yang bermaruah. Adik tidak memerlukan orang lain untuk menampung perbelanjaan hidup adik.

Adik seorang wanita yang kuat kerana adik berdiri atas kaki sendiri. Tetapkan pemikiran walaupun tidak menerima banyak bantuan kewangan seperti X, adik masih mampu menamatkan pengajian di universiti dan berupaya untuk membantu keluarga. Merasa gembira atas perkara ini.

Fikirkan juga apakah kebaikan yang diterima oleh keluarga hasil pemberian wang adik itu. Rahmat dan nilai sangat besar di mana wang itu boleh digunakan untuk banyak perkara berfaedah oleh keluarga.

